



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

TEKS UCAPAN

**YB DATUK AARON AGO DAGANG
MENTERI PERPADUAN NEGARA**

MAJLIS AMANAT 2026

**13 JANUARI 2026 (SELASA)
9:00 PAGI**

**DEWAN SERBAGUNA BLOK F9, ARAS 1, KOMPLEKS F
PUTRAJAYA**

Salam Perpaduan dan Salam Malaysia MADANI

Terima kasih saudara/i Pengacara Majlis,

SALUTASI

****salutasi terkini disediakan secara berasingan***

PENDAHULUAN

1. Pertama sekali, izinkan saya mengucapkan **Selamat Tahun Baharu 2026** kepada semua. Saya mendoakan agar tahun ini membawa keberkatan, dan kejayaan kepada kita semua.
2. Saya ingin juga mengalu-alukan **kehadiran semua warga kerja Kementerian dan agensi dibawahnya serta jentera - jentera perpaduan** yang merangkumi pelbagai latar belakang dan generasi. Antara yang hadir pada hari ini adalah:
 - **Anggota Kawasan Rukun Tetangga**
 - **Anggota Skim Rondaan Sukarela**
 - **Sekretariat Rukun Negara**
 - **Alumni Sukarelawan Siswa**
 - **Skuad Uniti**
 - **Mediator Komuniti**

- **Warga Taska dan Tabika Perpaduan**
- **Friends of Unity**
- **Rakan Strategik Perpaduan**
- **Rakan Media Perpaduan**

3. Saya juga mengambil kesempatan ini, mengucapkan tahniah kepada **YB Tuan Yuneswaran Ramaraj** atas pelantikan sebagai Timbalan Menteri Perpaduan Negara.
Welcome to the family!

Hadirin yang dihormati sekalian,

4. Kementerian Perpaduan Negara dan agensi dibawahnya sentiasa memberikan tumpuan khusus kepada tiga fokus utama yang digariskan dalam **Dasar Perpaduan Negara** iaitu **mengukuhkan perpaduan berteraskan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara, membentuk identiti nasional serta melahirkan rakyat Malaysia mengamalkan perpaduan.**
5. Seperti kita sedia maklum, peranan utama Kementerian ini adalah untuk **mewujudkan platform dan tapak integrasi yang dapat meningkatkan interaksi sosial antara rakyat berbilang bangsa** iaitu dengan pelaksanaan pelbagai inisiatif dan program. Usaha ini dilaksanakan selaras

dengan Perlembagaan Persekutuan, Rukun Negara dan berpandukan Dasar Perpaduan Negara.

6. Tahun 2023, Kementerian Perpaduan Negara telah menjadi Kementerian yang pertama yang mengumumkan dan menggerakkan agenda Malaysia MADANI. Dengan itu, kita telah memperkenalkan kerangka penting yang dikenali sebagai **Kerangka Perpaduan Membangun Malaysia MADANI**. Kerangka ini menjadi asas kepada pendekatan strategik Kementerian dalam memupuk perpaduan berlandaskan nilai-nilai MADANI.
7. Selaras dengan itu, Kementerian mengguna pakai pendekatan **Perpaduan Dalam Kepelbagaian** sebagai fokus utama, dengan memberikan penekanan kepada penghayatan semula Rukun Negara termasuk **pelaksanaan lafaz penuh ikrar Rukun Negara bermula mukadimah** di sekolah, institusi pengajian tinggi, majlis rasmi kerajaan, Parlimen dan turut diperluaskan ke beberapa Dewan Undangan Negeri (DUN). Oleh itu, saya berharap Kementerian akan mengadakan libat urus dengan semua Dewan Undangan Negeri yang belum menyambut baik usaha ini, demi memastikan penghayatan Rukun Negara dapat diperkasakan secara konsisten dan menyeluruh di seluruh negara.

8. Pada tahun lalu, tema '**Harmoni Dalam Kepelbagaian**' diperkenalkan untuk meningkatkan keharmonian antara penganut agama di negara ini. Tema tersebut mencerminkan realiti masyarakat Malaysia yang majmuk, di mana perpaduan hanya dapat dicapai melalui penerapan nilai **Faham, Hormat, Terima dan Meraikan** antara satu sama lain.

IMBASAN PENCAPAIAN TAHUN 2025

Hadirin yang saya kasihi sekalian,

9. Kementerian melalui agensi dibawahnya telah berjaya melaksanakan sebanyak **762 program sepanjang tahun 2025**. Pelbagai penglibatan, aktiviti, program, dan kempen telah dilaksanakan. Pelbagai pencapaian dan rekod telah berjaya dicatat, sama ada ia boleh dinilai dan dilihat melalui angka atau diukur melalui peningkatan kualiti penyampaian perkhidmatan secara keseluruhan.
10. Perlu kita sama-sama akui bahawa kejayaan yang dicapai adalah **hasil jalinan kerjasama dan kerja berpasukan** antara semua warga kerja dan agensi di bawah KPN. Oleh itu, saya secara peribadi ingin merakamkan jutaan terima

kasih kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung kepada kejayaan ini. Tahniah!

11. Sebagai imbasan, suka saya mengimbas kembali pencapaian tahun 2025 yang berlandaskan kepada empat ikhtiar iaitu **Ekosistem Perpaduan, Eksplorasi Rukun Negara, Harmoni MADANI, dan Komuniti Sosio Budaya**. Antara pencapaian utama adalah :

- I. **Pemeriksaan Rukun Tetangga Progresif** – Bagi memperkukuhkan agenda ekonomi komuniti dan kesejahteraan hidup komuniti, sebanyak 301 KRT berjaya dijadikan sebagai KRT Progresif. Termasuk sebanyak 529 produk ekonomi KRT berjaya dipasarkan.
- II. **Sambutan Minggu Perpaduan** – sambutan peringkat kebangsaan telah berjaya dilaksanakan di Pulau Pinang dengan pengunjung lebih 200,000 orang.
- III. **Sambutan 50 Tahun Jubli Emas Penubuhan Kawasan Rukun Tetangga** dilaksanakan bagi meraikan jasa dan sumbangan komuniti KRT kepada negara selama 50 tahun.

- IV. **Sambutan Perayaan** – Pelbagai sambutan perayaan turut dilaksanakan antaranya Hari Raya Aidilfitri Kebangsaan dan Perayaan Entik Minoriti Siam (Perayaan Songkran) Peringkat Kebangsaan yang julung kali dianjurkan oleh Kerajaan Persekutuan
- V. **Taska dan Tabika Perpaduan** tidak dipinggirkan. Penyaluran peruntukan berjumlah RM33.73 juta bagi kemudahan pembelajaran Tabika dan Taska Perpaduan. Dimana Taska dan Tabika Perpaduan adalah satu-satunya pusat pendidikan awal yang percuma di negara ini. Turut disalurkan peruntukan berjumlah RM5 juta bagi naik taraf 128 Tabika Perpaduan.
- VI. **Pembangunan Modal Insan melalui Yayasan Tunku Abdul Rahman.** Pemberian Biasiswa Tunku Abdul Rahman kepada 43 pelajar universiti terutamanya golongan B40. Selain itu, Tabung Legasi Komuniti Tunku ditubuhkan pada Disember 2025, dengan sumbangan awal RM1 juta daripada penderma misteri, bertujuan untuk memberi biasiswa pendidikan kepada anak muda yang menghadapi kekangan kewangan. Tabung ini terbuka kepada sumbangan berterusan bagi

memastikan legasi kepedulian Tunku terus hidup dan membantu lebih ramai pelajar.

- VII. **Cikgu Closing The Gap** telah diperkenalkan oleh Yayasan Tunku Abdul Rahman bagi memperkasa guru bimbingan dan kaunseling khususnya di Sabah, Sarawak dan Johor melalui latihan intensif, sesi bimbingan berstruktur dan pemantauan berterusan
- VIII. **MADANI Berkhidmat: Misi Sukarelawan Siswa** oleh Yayasan Sukarelawan Siswa di Vietnam, Sabah, Sarawak, Pahang dan Perak dengan melibatkan seramai 324 sukarelawan siswa.
- IX. **Portal Bantuan Kewangan Program Perpaduan** telah dilancarkan tahun lalu yang membolehkan pertubuhan badan bukan kerajaan memohon geran aktiviti. Kini, sebanyak 1086 pertubuhan telah berdaftar dibawah MyFoU (Selangor mencatatkan yang paling tinggi iaitu sebanyak 231 NGO berdaftar).
- X. **Penghayatan terhadap Rukun Negara** menjadi fokus utama Kementerian, khususnya dengan memberikan penekanan kepada golongan belia

sebagai kumpulan sasaran strategik dalam pembinaan jati diri, semangat patriotisme dan nilai perpaduan nasional. Pelbagai program telah diwujudkan dan dilaksanakan dengan jayanya.

- **Kempen Taat Setia Rukun Negara** dilaksanakan sepanjang bulan Ogos dan September sempena 55 Tahun Rukun Negara.
- **Program Gerak Integrasi Perpaduan** buat julung kalinya dilaksanakan yang menekankan elemen silang budaya dan kenegaraan.
- **Jalinan Integrasi Mahasiswa** iaitu program berbentuk keluarga angkat dilaksanakan bagi membolehkan pertukaran pengalaman, budaya dan nilai kehidupan antara mahasiswa daripada latar belakang etnik, agama dan wilayah yang berbeza.
- Pemberian **geran RM20,000.00 kepada enam Institusi Pengajian Tinggi (IPT)** terpilih bagi Program Citra Negeraku.

- **Konvensyen Sekretariat Rukun Negara** dilaksanakan melibatkan sebanyak 193 SRN dari seluruh negara yang berdiskusi berhubung dasar-dasar negara khususnya perpaduan negara.
- **Pertandingan Mural Rukun Negara Peringkat Sekolah** dengan penyertaan sebanyak 65 sekolah.
- **Program Arkib@Sekolah** diperkenalkan buat julung kalinya dengan mendekatkan pelajar sekolah dengan bahan sejarah yang tulen.
- **Inspirasi Pelajar Inovasi Muzium (IPIM)** dilaksanakan dengan penglibatan lebih banyak muzium pada tahun lalu iaitu 41 muzium.

XI. **Inisiatif Harmoni MADANI** yang mula diperkenalkan pada tahun 2024 terus diperkasa pada tahun lalu. Antara program utama dilaksanakan adalah Sambutan Keharmonian Antara Penganut Agama Sedunia, Dialog Harmoni, Perarakan Harmoni, penerbitan iklan perpaduan bagi pelbagai perayaan utama. Tetapi soal

keharmonian antara agama ini harus diberikan perhatian tambahan, jadi saya harap Kementerian akan memberi fokus kepada soal ini pada tahun ini juga.

- XII. **Pengurusan Isu Perpaduan** turut dimantapkan pada tahun lalu. Kementerian telah menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Isu Perpaduan (JPIP) yang dianggotai oleh 12 agensi kerajaan, pelancaran portal atas talian iaitu Rangkaian Aduan Komuniti Awam Nasional (RAKAN) yang kini membolehkan rakyat menjadi mata dan telinga di peringkat komuniti serta pemerkasaan peranan 571 Mediator Komuniti dalam menyelesaikan konflik komuniti.
- XIII. **Merakyatkan Muzium** telah berjaya dihidupkan melalui pelaksanaan 7 program Citra Nusa @ Muzium, 2 program Fiesta Uniti @ Muzium, 22 pameran khas, 36 program inreach & outreach serta pelaksanaan perkhidmatan *Cashless Museum* di 8 Muzium.
- XIV. Usaha meningkatkan **penghayatan terhadap khazanah arkib negara** tidak dipinggirkan. Arkib Komuniti telah dilancarkan bagi membolehkan

komuniti turut terlibat secara aktif dalam pengumpulan bahan warisan negara. Malaysia turut mencatatkan sejarah apabila buat julung kalinya Majlis Sejarawan Negara ditubuhkan dan dipengerusikan sendiri oleh YAB Perdana Menteri. Program Majlis Mengenang Negarawan terus dilaksanakan pada tahun lalu bagi tokoh iaitu Tunku Abdul Rahman, Tun Abdul Razak, Tun V. T. Sambanthan, dan Tun Abdullah Ahmad Badawi.

XV. Perpustakaan Negara Malaysia terus melaksanakan pelbagai program bagi **melahirkan masyarakat cilik ilmu pengetahuan**. Antaranya Kempen Jom Baca 10 Minit yang telah mendapat sambutan sehingga luar negara, Karnival Baca Perdana, penganjuran julung kalinya Festival Kaligrafi Perpaduan, pemberian Baucar Buku dengan nilai keseluruhan RM1 juta serta Festival Seni Sastera Kanak-Kanak.

XVI. Sempena **Kepengerusian ASEAN** oleh Malaysia, Kementerian turut berjaya melaksanakan Pameran Semangat ASEAN 21 April – 31 Ogos 2025, 19th Congress of Southeast Asian Librarians (CONSAL) 2025 Simposium Fabrik ASEAN, Citra Nusa@Muzium: ASEAN Native Festival, Seminar

Bicara ASEAN, Misi Sukarelawan Siswa ke Vietnam dan Pameran Fabrik ASEAN.

12. Tahun 2025, juga menyaksikan **dua RUU berjaya dipinda dan diluluskan oleh Dewan Rakyat dan Dewan Negara**. Dua RUU tersebut adalah Akta Yayasan Tunku Abdul Rahman Pindaan 2025 dan Akta Rukun Tetangga Pindaan 2025. Tahniah kepada semua yang terlibat dalam perkara ini.

MOU, ANUGERAH DAN PENARAFAN BINTANG

Hadirin yang saya hormati sekalian,

13. Dalam kesempatan ini juga, saya ingin menyatakan rasa berbesar hati atas pencapaian yang telah diperoleh KPN sepanjang tahun 2025.
- I. penganugerahan **Sijil Penghargaan Perakaunan Pengurusan** daripada Jabatan Audit Negara yang merupakan suatu pengiktirafan ke atas komitmen tinggi pihak Kementerian dalam mematuhi tatakelola kewangan yang berintegriti dan telus.

- II. **Penarafan Emas** daripada **naziran pengurusan aduan awam** yang telah dilaksanakan oleh Biro Pengaduan Awam (BPA), Jabatan Perdana Menteri (JPM) yang menjadi tanda aras bahawa KPN telah meletakkan nilai kepada aduan-aduan yang diterima.
- III. Muzium Labuan dan Muzium Adat di bawah Jabatan Muzium Malaysia (JMM) telah menerima **pengiktirafan kategori Silver di bawah *Malaysia Tourism Quality Assurance (MyTQA)*** pada tahun 2025. Pada tahun 2025 juga, JMM telah berjaya mendapat **penarafan bintang (*Google Review*)** bagi muzium-muzium di bawah pentadbirannya.
- IV. Arkib Negara Malaysia (ANM) turut mendapat pengiktirafan apabila menerima **persijilan semula MS ISO 9001:2015 daripada pihak SIRIM** bagi skop Pengurusan Rekod dan Pentadbiran Rekod Awam.
- V. **Festival Kaligrafi dan Seni Motif Perpaduan** telah dicatatkan di dalam ***The Malaysian Book of Record (MBOR)*** sebagai program yang merekodkan penyertaan teramai melibatkan pelbagai kaum. Tahniah saya ucapkan kepada PNM atas kejayaan ini.

14. KPN juga tidak ketinggalan untuk **memperkukuhkan hubungan bilateral antara negara** apabila memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) bersama *the Directorate of State Archives of the Presidency of the Republic of Türkiye*. Hubungan kerjasama dalam bidang kearkiban yang dimeterai pada 25 Ogos 2025 merupakan satu **langkah strategik yang signifikan dalam memperkukuh jaringan kerjasama antarabangsa**, khususnya dalam perkongsian kepakaran, pemeliharaan rekod dan pembangunan kapasiti institusi kearkiban.
15. Saya juga ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah dan syabas kepada PNM atas kejayaan yang amat membanggakan apabila **manuskrip Melayu koleksi Hamzah Fansuri telah berjaya mendapat pengiktirafan *Memory of the World* (MOW)** oleh UNESCO. Pengiktirafan berprestij ini menjadi bukti bahawa **khazanah warisan Melayu mempunyai nilai keilmuan dan kebudayaan yang tinggi** sehingga diiktiraf di peringkat global.

HALA TUJU TAHUN 2026

Hadirin yang saya muliakan sekalian,

16. Sedar atau tidak, kita berhadapan dengan pelbagai cabaran seperti polarisasi sosial yang berpotensi melebar, transformasi digital yang pesat, perubahan demografi, sehinggalah kepada permintaan rakyat terhadap penyampaian perkhidmatan Kerajaan yang semakin meningkat. Di sebalik cabaran ini, **KPN memikul amanah yang amat besar untuk menjadi jambatan penyatuan dalam kepelbagaian masyarakat.**
17. Dengan ini, saya ingin mengumumkan bahawa **tema bagi tahun 2026 adalah “Bersama Membina Negara Bangsa”.**
18. Tema ini selari dengan aspirasi Kerajaan MADANI melalui Rancangan Malaysia Ketiga Belas yang turut mengangkat pembinaan negara bangsa sebagai salah satu tonggak utama pembangunan rakyat dan negara.
19. Negara bangsa amat penting untuk Malaysia pada masa kini kerana ia menjadi asas kepada **P.U.S.H (*peace, unity, stability & harmony*)** iaitu keamanan, perpaduan, kestabilan, dan keharmonian sebuah negara yang majmuk. Dalam realiti global yang semakin mencabar, melibatkan

perbezaan ideologi, pengaruh media sosial, politik identiti serta tekanan globalisasi, pembinaan negara bangsa berperanan menyatukan rakyat di bawah melalui **perkongsian identiti nasional**, tanpa menafikan kepelbagaian kaum, agama dan budaya. Tanpa asas negara bangsa yang kukuh, masyarakat mudah terpecah, sekali gus menjejaskan keharmonian dan keselamatan negara.

20. Bagi Malaysia, negara bangsa bukan sekadar konsep politik, tetapi satu keperluan strategik untuk memastikan rakyat berasa memiliki negara ini, berkongsi nilai bersama dan bertanggungjawab memelihara keamanan serta kemajuan negara. Kesetiaan kepada negara, penghormatan terhadap Perlembagaan Persekutuan dan penghayatan Rukun Negara merupakan teras utama pembentukan negara bangsa.
21. **Nilai-nilai MADANI mempunyai hubungan yang sangat rapat dengan pembinaan negara bangsa.** Konsep Malaysia MADANI menekankan prinsip keyakinan, kesejahteraan, daya cipta, hormat, ihsan dan kemampanan, yang menjadi asas kepada sebuah masyarakat bertamadun. Nilai ini selari dengan matlamat negara bangsa yang ingin membentuk rakyat yang

beretika, bertanggungjawab, saling menghormati dan hidup secara harmoni.

22. Dalam konteks negara bangsa, nilai MADANI berfungsi sebagai panduan moral dan sosial yang menyatukan rakyat tanpa memaksa keseragaman. Ia menggalakkan **penerimaan perbezaan, dialog antara budaya serta pengurusan konflik secara matang, sekali gus memperkukuh perpaduan nasional dan jati diri kebangsaan.**
23. Saya juga ingin memaklumkan disini setelah beberapa siri libat urus dan bengkel, Kementerian mencadangkan definisi negara bangsa seperti berikut:

“Negara berdaulat yang warganya memiliki identiti nasional dan berkongsi nilai sepunya berteraskan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara”

24. Oleh itu, saya memohon agar Bahagian Kesepaduan Nasional akan bekerjasama rapat dengan Dewan Bahasa dan Pustaka bagi menerima masuk tarikan ini supaya ia menjadi seragam dan rujukan bagi semua.

25. Bagi memastikan aspirasi Negara Bangsa ini betul-betul sampai kepada rakyat dan diterima oleh semua pihak, Kementerian akan terus melaksanakan beberapa **sesi libat urus, perbincangan meja bulat, sesi townhall serta penganjuran Persidangan Negara Bangsa** pada September 2026 ini yang akan akhirnya menghasilkan satu **Blueprint Negara Bangsa** untuk rujukan semua pihak terutamanya agensi kerajaan dalam membuat dasar dan inisiatif baharu.
26. Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada Kementerian Pendidikan Tinggi yang bakal memperkenalkan kursus baharu iaitu '**Aspirasi Pembinaan Negara Bangsa**' di institusi pengajian tinggi (IPT) dalam usaha meningkatkan pengetahuan generasi muda terhadap aspek kenegaraan dan Perlembagaan negara ini.
27. ***This is what we call whole of government approach.*** Kementerian Perpaduan Negara tidak boleh bekerja silo, dimana harus sentiasa bekerja rapat dengan semua Kementerian dan agensi kerajaan dalam menjayakan agenda Negara Bangsa ini.

PROGRAM DAN INISIATIF TAHUN 2026

Hadirin yang saya kasihi sekalian,

28. Mendepani tahun 2026, gerak kerja kita akan difokuskan kepada lima (5) kluster utama.

29. Kluster pertama, **Tunas MADANI**, bermatlamat membentuk generasi muda yang berjiwa patriotik, sekaligus memperkasakan mereka sebagai ejen perubahan sosial. Antara program yang akan dilaksanakan adalah :

- I. Program Cilik Perpaduan
- II. Sukaneka Kanak- Kanak Tabika Perpaduan
- III. Festival Seni Sastera Kanak – Kanak
- IV. GRIP Kelab Rukun Negara
- V. Arkib@Sekolah
- VI. Inspirasi Pelajar Inovasi Muzium
- VII. Program Bermalam di Muzium
- VIII. Bicara Berirama Perpaduan
- IX. Closing The Gap
- X. Debat Perpaduan Piala Menteri Perpaduan Negara
- XI. MADANI Berkhidmat Misi Sukarelawan Siswa
- XII. Jelajah Belia Rukun Negara
- XIII. Pidato Rukun Negara

30. Tumpuan kita juga terarah kepada mengangkat peranan institusi sosial di lapangan melalui kluster **Komuniti MADANI**, di mana kita akan berusaha memperkasakan komuniti dalam pelbagai aspek yang boleh menjadi teras serta pemangkin kepada penyatupaduan di peringkat akar umbi. Antara program yang akan dilaksanakan adalah:

- I. Pemerkasaan KRT Progresif
- II. Karnival Ekonomi Rukun Tetangga
- III. Konvensyen Sejarah Nasional
- IV. Memperkasa Institut Kajian dan Latihan Integrasi Nasional
- V. Persidangan Mediator Komuniti & Hari Mediator Nasional
- VI. Siri Dialog Aman dan Empati
- VII. Projek Sosial Kolaboratif Mediasi Komuniti
- VIII. Townhall Perpaduan dan Negara Bangsa
- IX. Jerayawara Perpaduan dan Negara Bangsa
- X. Persidangan Negara Bangsa
- XI. Majlis Anugerah Ikon Perpaduan
- XII. Anugerah Perdana Rukun Tetangga

31. Seterusnya, melalui kluster **Harmoni MADANI**, kita akan memperkukuh kerukunan antara pelbagai komuniti dan penganut agama melalui pemupukan persefahaman bersama. Ini adalah kunci bagi menangani defisit sosial dan

memastikan kestabilan negara terus terpelihara dalam suasana yang saling menghormati. Antara program yang bakal dilaksanakan adalah :

- I. Sambutan Minggu Keharmonian Antara Agama Sedunia
- II. Dialog Harmoni
- III. Dokumentari Jejak Harmoni
- IV. Perarakan Harmoni
- V. Perkampungan MADANI
- VI. X-Presi Harmoni
- VII. Diskusi Perisai Perpaduan

32. Melalui kluster **Rakyat MADANI** pula, kita akan meraikan kepelbagaian seni, budaya dan perayaan pelbagai kaum dan agama di negara ini. Antara program yang akan dilaksanakan adalah:

- I. Sambutan Minggu Perpaduan Peringkat Kebangsaan di Negeri Sabah pada 11 -14 Jun 2026
- II. Sambutan Minggu Perpaduan Peringkat Zon Utara, Timur, Tengah, Selatan dan Sarawak.
- III. Sambutan Hari Raya Aidilfitri
- IV. Sambutan Perayaan Songkran
- V. Dokumentari Etnik Minoriti

33. Dalam usaha mengekalkan akar sejarah kita, kluster **Warisan MADANI** akan memainkan peranan penting dalam memartabatkan khazanah budaya serta identiti negara. Antara program yang bakal dijalankan adalah :

- I. Arkib Komuniti
- II. Sambutan Hari Arkib Komuniti
- III. Majlis Mengenang Negarawan Tun Fuad Stephen
- IV. Citra Malaysia : Sambutan Anak Merdeka Malaysia
- V. Citra Nusa@ Muzium (Seminar Antarabangsa Melayu Diaspora, Pameran Uthmaniyah dan Alam Melayu, Magis Belantara, Pameran Khazanah Karst, Nostalgia Anak Kampung)
- VI. Muzium Bersama Komuniti: Kembara Muzium
- VII. Fiesta Uniti@ Muzium di Muzium Kota Kuala Kedah, Muzium Matang, Muzium Adat, Muzium Kota Kayang)
- VIII. Kurator Muda
- IX. Baucar Buku Semarak Membaca
- X. Bazar Buku dan Budaya
- XI. Pertandingan Ruang Bacaan Keluarga
- XII. Festival Kaligrafi Perpaduan
- XIII. Story Telling Festival

34. Bagi menangani dan mengurus isu perpaduan secara lebih berkesan, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional akan menyelaras serta menyatupadukan semua mekanisme pengurusan isu melalui penubuhan **Pusat Rujukan Isu Sensitif Masyarakat (PRISMA)**. Langkah ini bertujuan memastikan pendekatan yang sistematik, bersepadu dan strategik dalam menangani cabaran perpaduan. Selain itu, Kementerian juga akan muktamadkan **Kerangka Pengurusan Isu Perpaduan (IRM)** sebagai dokumen induk bersepadu untuk menyelaras tindakan pelbagai agensi secara sistematik.
35. Suka saya ingin menarik perhatian semua **bahawa hala tuju yang digariskan untuk tahun 2026** bukan sekadar manifestasi hasrat, tetapi **komitmen yang berpaksikan keberkesanan**. Mendepani cabaran yang akan datang, kita tidak boleh lagi berpuas hati dengan angka seperti jumlah kehadiran atau bilangan program yang dilaksanakan. Sebaliknya, kita harus berani serta bersedia untuk menyediakan jawapan kepada persoalan-persoalan seperti berikut:
- (i) Apakah perubahan sebenar yang berlaku?
 - (ii) Adakah rakyat lebih bersatu?
 - (iii) Adakah nilai perpaduan semakin subur dalam masyarakat?

36. Justeru, kita sewajarnya meninggalkan kaedah penilaian konvensional yang bersifat generik supaya setiap program dapat diukur secara sistematik. Tumpuan kita jelas: **menilai sejauh mana impak sosial** daripada inisiatif Kementerian benar-benar **memberi pulangan nilai yang signifikan kepada perpaduan negara dan keharmonian masyarakat.**
37. Kita juga perlu sedar bahawa mekanisme penilaian kita **perlu melalui proses evolusi seiring dengan tuntutan dan perkembangan semasa.** Reformasi sistem penilaian perlu dilaksanakan supaya ia bukan sahaja dapat menyokong perkiraan tentang *Return on Investment (ROI)* atau *Return of Values (ROV)* semata-mata.
38. Fokus kita harus juga diletakkan kepada keberhasilan yang diukur menerusi kerangka **Unity Impact Assessment (UIA)**, suatu mekanisme yang lebih objektif untuk **menilai sama ada inisiatif yang dilaksanakan benar-benar menyumbang kepada pencapaian matlamat penyatupaduan sosial** yang signifikan.
39. Saya yakin kejayaan pelbagai inisiatif di bawah Kementerian ini adalah hasil titik peluh dan usaha warga kerja. Saya ingin mengambil platform ini untuk mengiktiraf peranan semua **pegawai perpaduan, kurator muzium, pegawai**

arkib serta pustakawan sebagai **Jurutera Sosial Negara** (***Social Architects***) yang memainkan peranan penting dalam membina perpaduan, memelihara warisan dan memperkukuh pembinaan negara bangsa.

40. Akhir sekali, berhubung soal perundangan, tahun ini Kementerian akan berusaha untuk membentangkan **RUU Muzium Malaysia** di Parlimen Malaysia serta Kementerian melalui Perpustakaan Negara Malaysia akan mengkaji semula **Akta Penyerahan Bahan 1986** bagi meningkatkan akses kepada bahan ilmiah negara.

PENUTUP

Hadirin yang saya hormati sekalian,

41. Saya menaruh keyakinan tinggi bahawa **tahun 2026 akan menjadi medan pembuktian kesungguhan kita menterjemahkan dasar kepada impak yang boleh dilihat dan dirasai.**
42. Marilah kita jadikan **kejayaan 2025 sebagai pemangkin kecemerlangan 2026 demi memperteguh jati diri Bangsa Malaysia.** Terima kasih kepada semua pihak yang telah menjayakan majlis pada hari ini.

43. Sebelum saya mengakhiri ucapan, terimalah serangkap pantun daripada saya:

Perkongsian identiti dijulang bersama,
Negara bangsa terus berseri sentiasa,
Kepelbagaian aset dipelihara semua,
Masyarakat harmoni hidup sejahtera

Sekian, terima kasih.